

Perubahan Akan Datang untuk Majalah Gereja pada tahun 2021

Tiga majalah akan melayani para ahli Gereja di seluruh dunia dalam format cetakan dan digital baharu; Nama “Ensign” akan dihentikan; majalah remaja akan mempunyai nama baharu

Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir hari ini mengumumkan bahawa, bermula pada Januari 2021, Gereja akan mengganti empat majalah yang sedia ada kepada tiga majalah global: “Friend” (untuk kanak-kanak), “For the Strength of Youth” (untuk remaja) dan “Liahona” (untuk orang dewasa).

Empat majalah yang sedia ada merangkumi tiga majalah dalam bahasa Inggeris—“Friend” (untuk kanak-kanak), “New Era” (untuk remaja) dan “Ensign” (untuk orang dewasa)—serta majalah yang diterjemahkan ke dalam banyak bahasa yang dinamakan “Liahona” (mengandungi bahan untuk kanak-kanak, remaja dan orang dewasa).

Penyesuaian kepada majalah ini akan memberikan beberapa manfaat kepada para Orang Suci Zaman Akhir di seluruh dunia, termasuk yang berikut:

- Buat pertama kalinya, keluarga yang bukan dari negara berbahasa Inggeris akan berpeluang untuk melanggan majalah khusus untuk kanak-kanak dan remaja.
- Kandungan akan dikongsi dengan lebih kerap di beberapa kawasan dan bahasa.
- Keluarga Gereja secara global akan menerima pesanan penyatuan yang sama melalui majalah-majalah seluruh dunia.

“Majalah Gereja adalah sumber yang bernilai untuk pembelajaran injil Yesus Kristus dan merasa tergolong dalam Gereja-Nya,” ucap Presidensi Utama dalam satu surat kepada semua Orang Suci Zaman Akhir. “Hasrat kami adalah agar para ahli sedunia akan melanggan dan mengalu-alukan pengaruh yang menyokong iman ini ke dalam hati dan rumah mereka.”

Panjang dan format majalah cetakan baharu akan mengalami perubahan. Contohnya, halaman bercetak untuk pembaca dewasa bahasa Inggeris akan dikurangkan manakala pembaca beberapa bahasa sedia ada yang hanya menerima satu majalah cetakan dalam tahun kini akan menerima majalah cetakan setiap dua bulan. Beberapa faktor—seperti bilangan pelanggan, ketersediaan penterjemah, dan keupayaan pengagihan—mempengaruhi kekerapan penerbitan kepada pelbagai bahasa.

Para pembaca boleh menjangkakan majalah digital yang telah ditambah baik dan diperluaskan, termasuk “YA Weekly,” yang terdapat di bahagian dewasa muda dalam aplikasi Gospel Library. Kandungan majalah digital akan terus tersedia secara percuma.

Pelanggan “Ensign,” “New Era,” dan “Friend” sedia ada akan secara automatik dipindahkan kepada majalah baharu pada tahun 2021 dengan apa sahaja baki tempoh langganan mereka. Pelanggan “Liahona” sedia ada yang ingin menerima kandungan bercetak untuk kanak-kanak atau remaja tahun depan perlu melanggan majalah “Friend” atau “For the Strength of Youth” yang baharu. Para ahli di Kawasan Asia boleh menghubungi pusat pengedaran tempatan mereka tentang pilihan langganan baharu dan maklumat produk terkini.

Apakah kata Pegawai Umum Gereja tentang Perubahan kepada Majalah Gereja

Sister Joy D. Jones, Presiden Umum Sekolah Primer (organisasi Gereja untuk kanak-kanak)

“Dengan semua cabaran dan peluang di dunia hari ini, anak-anak kita amat memerlukan kekuatan, hiburan dan bimbingan yang lebih besar yang ditawarkan oleh Juruselamat dan ajaran-ajaran-

Nya. Kami gembira kerana majalah sedunia 'Friend' yang baharu kini akan menjangkau kanak-kanak dalam 47 bahasa di seluruh dunia, menjemput mereka untuk bersama mengikuti Yesus dan melayani seperti yang Dia lakukan. ”

Sister Bonnie H. Cordon, Presiden Umum Remaja Puteri

“Saya suka nama majalah 'For the Strength of Youth' kerana remaja dari Gereja Yesus Kristus kuat. Para remaja di seluruh dunia mendapatkan majalah yang sama, dalam bahasa mereka sendiri, dengan kandungan yang dicipta di bawah arahan Presidensi Utama khusus untuk mereka. Mereka akan menemui jawapan untuk soalan mereka. Kebenaran tentang keilahian mereka sebagai putera dan puteri kepada ibu bapa syurgawi yang penuh kasih akan diperbaharui.”

Brother Steven J. Lund, Presiden Umum Remaja Putera

“Presiden Nelson telah menjemput tindak balas sedunia terhadap seruan sedunia untuk mengumpulkan Sion. 'For the Strength of Youth' akan menjadi majalah yang layak mendapat mandat global yang begitu hebat. Jika anda suka Youth Music Festival yang pertama kalinya tahun ini, anda akan suka majalah remaja yang baharu. Penerbitan akan memberi tumpuan pada nilai kepelbagaian dan menawarkan perspektif global.”

Brother Mark L. Pace, Presiden Umum Sekolah Minggu

“Walaupun kurikulum 'Ikutlah Aku' memberikan pelajaran setiap minggu untuk keluarga, struktur majalah Gereja yang baharu dapat menyokong orang dewasa, remaja, dan kanak-kanak dengan bahan sokongan berdasarkan topik pelajaran setiap bulan. Seperti 'Ikutlah Aku,' majalah baharu dapat membantu memperkuat kesaksian para ahli tentang Yesus Kristus dan mengukuhkan hasrat mereka untuk kekal berada di jalan perjanjian.”

Sister Jean B. Bingham, Presiden Umum Lembaga Pertolongan (organisasi Gereja untuk wanita)

“Ini sangat teruja untuk memikirkan tentang majalah Gereja untuk orang dewasa, remaja, dan kanak-kanak tersedia di seluruh dunia. Lebih banyak ahli kini dapat memperoleh berkat-berkat ini di hujung jari mereka—dari halaman aktiviti tulisan suci untuk kanak-kanak, kepada kisah daripada remaja di seluruh dunia, dan sehingga artikel mengenai asas-asas injil untuk orang dewasa. Dan semua ini dengan harapan untuk meningkatkan iman kepada Tuhan Bapa dan Putera-Nya, Yesus Kristus. Kami gembira bahawa Presidensi Utama telah diilhami untuk menyediakan hadiah hebat ini kepada lebih banyak anak Tuhan!”

Soalan Lazim untuk Tiga Majalah Gereja Seluruh Dunia

Bagaimanakah majalah Gereja akan berubah?

Untuk bertahun lamanya, Gereja telah menerbitkan tiga majalah dalam Bahasa Inggeris (“Friend,” “New Era,” and “Ensign”) serta satu majalah yang diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain (“Liahona”). Bermula pada Januari 2021, penerbitan ini akan digantikan kepada tiga majalah yang akan melayani para ahli sedunia dalam pelbagai bahasa: “Friend” untuk kanak-kanak berumur 3-11 tahun, “For the Strength of Youth” untuk remaja berusia 12-18, dan “Liahona” untuk orang dewasa. Panjang dan format majalah cetakan akan mengalami perubahan. Para pembaca boleh menjangkakan majalah digital yang telah ditambah baik tersedia secara dalam talian dan di aplikasi mudah alih. Kandungan majalah digital akan terus tersedia secara percuma.

Mengapakah perubahan ini dibuat?

Majalah-majalah global ini akan membantu berkongsi pesanan yang lebih bersatu kepada pembaca yang meluas. Ini membolehkan Gereja menghantar kandungan ke kawasan berbeza dengan lebih kerap dari sebelumnya. Contohnya, beberapa bahasa sedia ada yang hanya menerima satu majalah dalam setahun akan menerima majalah setiap dua bulan. Beberapa faktor—seperti bilangan pelanggan, ketersediaan penterjemah, dan keupayaan pengagihan—mempengaruhi kekerapan penerbitan kepada pelbagai bahasa.

Seberapa kerapkah para ahli di Kawasan Asia dapat menerima majalah?

Bermula pada Januari 2021, majalah bercetak dan digital akan tersedia pada setiap bulan dalam bahasa berikut di Kawasan Asia: **Bahasa Cina, Bahasa Cina Mudah, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Thai**

Bagi bahasa-bahasa berikut untuk Kawasan Asia, majalah bercetak dan digital akan tersedia dua bulan sekali (enam kali setahun). Selain itu, kandungan majalah terpilih akan tersedia secara digital pada bulan-bulan majalah bercetak tidak tersedia: **Bahasa Kemboja, Bahasa Indonesia, dan Bahasa Vietnam**

Bagi bahasa-bahasa berikut untuk Kawasan Asia, kandungan majalah terpilih hanya tersedia secara digital setiap bulan: **Bahasa Burma, Bahasa Hindi, Bahasa Laotian, Bahasa Malaysia, Bahasa Nepal, Bahasa Sinhala, Bahasa Tamil, Bahasa Telugu, Bahasa Urdu**

Adakah saya perlu menukar langganan saya?

Sekiranya anda pelanggan “Ensign,” “New Era,” atau “Friend” pada akhir tahun 2020, baki tempoh langganan anda akan secara automatik dipindahkan kepada majalah baharu untuk kumpulan umur yang sama pada tahun 2021. Jika anda melanggan “Liahona” pada hujung tahun ini, baki tempoh langganan anda akan secara automatik dipindahkan kepada majalah baharu “Liahona” bermula pada tahun 2021. Bagaimanapun, versi baharu “Liahona” mengandungi bahan-bahan untuk orang dewasa sahaja. Jika anda ingin menerima kandungan untuk kanak-kanak atau remaja, anda perlu melanggan majalah “Friend” atau “For the Strength of Youth.” Para ahli di Kawasan Asia boleh mula melanggan pada 1 September 2020 melalui pusat pengedaran tempatan anda, atau menghubungi pustakawan bahagian/cabang anda.

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat tambahan tentang perubahan ini?

Maklumat tentang perubahan ini akan dikongsi sepanjang tahun di laman media sosial Gereja, di laman utama ChurchofJesusChrist.org dan dalam majalah semasa terbitan Disember 2020.